



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 12 DISEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	PENYELARASAN HARGA BERAS MASIH DALAM KAJIAN, DALAM NEGERI, UM -1 & 2 BERAS PUTIH TEMPATAN MASIH LAGI 'GHAIB', NEGARA, KOSMO -16 PERTANIAN PINTAR, KLASSIFIEDS, HM -C39	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4.	184 PETANI BAWANG ASSAN TERIMA BANTUAN BAJA, RACUN, UTUSAN SARAWAK -ONLINE	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
5.	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SAHKAN RAMPAS AYAM BELANDA, UTUSAN BORNEO -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
6.	LPP MADANI IHSAN SQUAD OFFERS POST-FLOOD ASSISTANCE IN KELANTAN, BERNAMA -ONLINE	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
7. 8.	LKIM SARAWAK STRENGTHENS FOOD SECURITY THROUGH CONTRACT FARMING, SARAWAK TRIBUNE -ONLINE STOK IKAN MENCUKUPI HADAPI MUSIM TENGGUJUH, TUMPAT, SH -27	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
9.	HARGA SAYUR NAIK SEKALI GANDA, NEGARA, KOSMO -6	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/12/2024	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

Penyelarasan harga beras masih dalam kajian

Oleh HAFIZ ABD. MUTALIB,
FITRI NIZAM dan ADNAN
IBRAHIM
utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Cadangan penyelarasan harga beras putih tempatan (BPT) masih belum dimuktamadkan sepenuhnya kerana kajian terperinci berhubung perkara itu masih berjalan.

Menteri Pertanian dan Ketahanan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pada

- Peniaga dakwa sudah lima bulan tidak dapat stok beras tempatan di Johor
- Pesawah desak segera dedah kartel

masa sama, Suruhanjaya Persekitaran Malaysia (MyCC) juga ketika ini baru selesai menghasilkan kajian am berhubung industri padi beras negara.

"KPKM ingin memberi komitmen bahawa setiap aspek penambahbaikan dan syor

yang dikemukakan oleh kedua-dua kajian tersebut akan diteliti dan dinilai mengenai kebolehpayaan dan keutamaan pelaksanaan pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis yang

dimuatnaik di laman sesawang Parlimen Malaysia semalam.

Jawapan itu diberi bagi menjawab pertanyaan Jamaludin Yahya (PN-Pasir Salak) yang bertanyakan hasil perbincangan bersama pemegang taruh dalam memuktamadkan cadangan dan perincian bagi mencari penyelesaian terbaik isu padi dan beras seperti yang dimaklumkan pada Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga yang lalu.

Bersambung di muka 2

Penyelarasan harga beras masih dalam kajian

Dari muka 1

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, susulan keputusan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) pada 19 Mac lalu, KPKM diarah meneruskan perbincangan bersama dengan semua pemegang taruh meliputi jabatan dan agensi kerajaan, pesawah, pengilang, pemborong dan peruncit.

Katanya, perbincangan itu adalah bagi memperhalusi pelan tindakan jangka panjang struktur kos pengeluaran beras yang lebih realistic dalam memastikan industri padi dan beras adalah mampan.

"Sesi libat urus bersama pemegang-pemegang taruh telah selesai namun cadangan-cadangan termasuk cadangan penyelarasan harga baharu beras putih tempatan (BPT) masih belum dimuktamadkan sepenuhnya memandangkan kajian terperinci mengenainya masih sedang berjalan," katanya.

Sementara itu, tinjauan Utusan Malaysia di beberapa pasar raya dan pasar raya mini di daerah Klang tidak menemui walau sekampit beras putih tempatan dijual. Yang ada hanya beras putih import. Lebih mendukacitakan, jualan beras putih import juga tidak mengambarkan harungnya akan turun seperti diumumkan kerajaan sebelum ini, malah ada sesetengah jenama dijual pada harga lebih mahal.

Pelanggan, Rosli Ahmad, 55, berkata, rakyat seolah-olah dipermainkan dengan pelbagai janji untuk menyelesaikan isu beras putih tempatan yang 'hilang' disejak hampir dua tahun. Harpun kononya pelbagai langkah diambil mengatasi isu makanan ruti rakyat itu, namun hingga kini isu ini masih

berbanding RM32 sebelum ini kerana bekalan diterima pada harga tinggi selain tiada penurunan seperti diumumkan pada November lalu," katanya. Pengerusi Suara Tani Malaysia, Mohd. Shazwan Suban pula mempersoalkan bila kerajaan akan mendedahkan karter padi dan beras?

Kata beliau, isu ketidadaan beras tempatan di pasaran tidak sepatutnya berlaku memandangkan pesawah membekalkan hasil padi secukupnya setiap tahun.

Namun, katanya, apabila sampai di peringkat kilang atau pemborong besar didakwa berlaku manipulasi dengan mencampurkan beras tempatan dan import seterusnya dijual pada harga beras import bagi mengaut keuntungan lebih yang menjadikan pengguna sebagai mangsa.

Justeru tegasnya, kerajaan perlu segera mendedahkan karter-karter tersebut bukan sekadar berjanji untuk bertindak demikian namun sehingga kini masih sunyi sepi sehingga karter terabit terus 'besar' kepala.

Sebagaimana yang selalu dibangkitkan, punca ketidadaan bekalan beras tempatan ini apabila para pemborong besar mencampur beras tempatan dan import yang akhirnya sukar untuk mendarati beras tempatan di pasaran.

"Kerajaan perlu segera dedahkan, jangan cakap sahaja. Beras tempatan yang sukar berada di pasaran, seolah-olah 'signal' karter ini langsung tidak gentar," katanya.

Karter padi dan beras yang selama ini menguasai pasaran dan mencorak industri beras seolah-olah tidak gentar meskipun kerajaan sudah memberi penegasan akan mendedahkan tindakan mereka.

Dikhuatiri harga akan meningkat lagi apabila penjawat awam mula menerima kenaikan gaji awal tahun depan."

gagal ditangani.

"Dikhuatiri harga akan meningkat lagi apabila penjawat awam mula menerima kenaikan gaji awal tahun depan dan yang menjadi mangsa adalah golongan bekerja sendiri termasuk penduduk di pedalaman.

"Sekiranya keadaan ini berlaku, pihak berkenaan akan terus terbeban seandainya kawalan terhadap harga barang asas utama seperti beras putih tempatan atau import tidak dapat diselesaikan dengan tuntas," katanya.


Justeru, Rosli berharap langkah segera perlu dilakukan bagi menyelesaikan isu 'kehilangan' beras putih tempatan selain mengawal kenaikan harga beras putih import.

Sementara itu, pengurus sebuah pasar raya yang enggan namanya disiarkan mengakui tidak menerima bekalan beras putih tempatan sejak hampir lima bulan lalu.

"Kalau sebelum itu kami menerima bekalan antara 100 hingga 200 kantung beras 10 kilogram antara dua hingga tiga kali sebulan, namun tiada lagi bekalan dihantar selepas sambutan Hari Raya Aidiladha lalu.

"Beras putih import pun dijual pada harga paling rendah RM35 sekampit sekarang

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/12/2024	KOSMO	NEGARA	16



SEORANG pelanggan melihat hanya beras import yang dijual di sebuah pasar raya di Kluang semalam.

Pengguna mengeluh terpaksa beli beras import

Beras putih tempatan masih lagi 'ghaib'

Oleh ADNAN IBRAHIM

KLUANG – Pengguna terus mengeluh apabila terpaksa membeli beras putih import selepas beras putih tempatan masih lagi tiada stok di pasaran biarpun sudah berbulan-bulan lamanya.

Tinjauan Kosmo! di kebanyakan pasar raya atau pasar mini di daerah ini juga tidak menemui walaupun sekampit beras putih tempatan dijual walaupun ura-ura mengatakan bekalan diramal kembali berada di pasaran.

Seorang penduduk, Rosli Ahmad, 55, berkata, pelbagai langkah telah diambil untuk mengatasi 'kehilangan' beras putih tempatan, namun sehingga kini belum menampakkan sebarang kesan.

Katanya, beras putih tempatan sudah lama 'ghaib' dan dia terpaksa membeli beras putih import sahaja yang harganya lebih tinggi.

"Kami harap langkah segera perlu dilakukan bagi menyelesaikan masalah ini selain mengawal harga beras putih import," katanya semalam.

Sementara itu, seorang pengurus sebuah pasar raya di Kluang memberitahu, pihaknya sudah tidak menerima bekalan beras putih tempatan sejak hampir lima bulan lalu.

Sebelum ini katanya, pihaknya menerima bekalan antara 100 hingga 200 kampil (seberat 10 kilogram sekampil) antara dua hingga tiga kali sebulan.

"Bagaimanapun, tiada lagi bekalan dihantar selepas Hari

Raya Aidiladha lalu," ujarnya.

Baru-baru ini, bekalan beras putih tempatan diramal kembali berada di pasaran susulan penurunan harga beras putih import di pintu gudang Bernas di Semenanjung daripada RM3,000 per tan kepada RM2,800 per tan bermula 1 Disember lalu.

Ia juga selari dengan penurunan harga semasa pasaran beras dunia.

Presiden Persatuan Beras Bumiputera Malaysia, Ismail Awang dilaporkan berkata, inisiatif itu memungkinkan keberadaan semula beras putih tempatan di pasaran.

Katanya, jika beras import harganya tidak jauh beza dengan beras tempatan, ia menjadikan keberadaan semula beras putih tempatan.

Pertanian PINTAR

Memajukan Sektor Pertanian dengan Teknologi



dalam pengurangan kos. Melalui penggunaan teknologi seperti robot otomatis dan mesin pintar, banyak kerja pertanian yang sebelum ini dilakukan secara manual, kini dapat selesai dengan lebih pantas dan dengan sedikit tenaga manusia. Selain itu, penyakit dan serangan perosak pada peringkat awal, yang membolehkan tindakan pencegahan diambil lebih awal sebelum ia merosakkan tanaman secara besar-besaran.

Bukan sahaja dalam aspek pengurusan sumber dan peningkatan hasil, pertanian pintar juga memberi peluang untuk pemasaran yang lebih efektif. Teknologi digital, seperti

menyumbur baja atau racun perusak dapat menastikan aplikasi bahan kimia yang lebih tepat, mengurangi kos dan impact terhadap alam sekitar. Dengan ini, petani tidak perlu lagi bergantung sepenuhnya kepada tenaga aplikasi mudah alih dan platform dalam talian, membolehkan mereka memasarkan hasil pertanian mereka secara terus kepada pengguna atau dengan tanpa melalui orang tengah. Dengan ini, petani dapat memperoleh

kelebihan lain pertanian pintar adalah pemantauan dan pengurusan sumber semaka berkesan. Sebagai contoh, penggunaan sensor untuk

• memantau kelembaban tanah
• membunkan petani mengetahui
dengan tepat bilakah tanaman
memerlukan air. Dengan cara ini
dapat mengkalas pembaziran air
Salah satu sistem pemantauan yang

kepat juga membantu mengasah dan pengkayaan tentang penggunaan



Pertanian pintar atau smart

farming" adalah penggunaan teknologi modern dalam sektor pertanian untuk meningkatkan produktivitas, mengurangi biaya, serta memastikan pengeluaran yang lebih cekat dan

lestari. Dalam dunia yang semakin berkembang pesat dengan penggunaan teknologi canggih, pertanian pintar menjadi salah satu penyelesaian untuk mengatasi cabaran yang dihadapi oleh sektor pertanian tradisional. Melalui

pengaplikasian teknologi seperti Internet of Things (IoT), kecerdasan buatan (AI) dan cloud, pertanian pintar dapat mengubah cara petani bekerja dan menghasilkan makanan dengan

lebih efisien dan berkualitas.
Kelompok utama pertanian pintar

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/12/2024	UTUSAN SARAWAK	ONLINE	

184 petani Bawang Assan terima bantuan baja, racun



UNTUK RAKYAT....Wong merakam kenangan bersama para penerima bantuan pertanian, hari ini.

SIBU: Seramai 184 petani dari kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bawang Assan telah menerima bantuan baja dan racun pertanian di bawah program Dana Fasilitasi Pertanian (AFF) dengan nilai keseluruhan RM899,263.20, hari ini.

Setiap peserta menerima input pertanian enam beg baja NPK Green, enam beg baja NPK Blue, tiga tin racun rumour BASTA (5 liter), dua botol racun serangga dan tiga paket racun kulat bernilai RM4,887.30 seorang.

Para petani memohon bantuan tersebut dari Jabatan Pertanian Sarawak melalui Parti Demokratik Progresif (PDP) Bawang Assan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bawang Assan, Dato Sri Wong Soon Koh menyempurnakan majlis penyerahan bantuan pertanian tersebut.

Soon Koh ketika ditemui memberitahu, bantuan tersebut sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban petani dalam aktiviti pertanian mereka.

Menurutnya, mereka memerlukan bantuan itu disebabkan kenaikan harga bahan pertanian berikutan inflasi sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

“Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, harga baja, racun serangga dan semua bahan lain untuk pertanian telah meningkat disebabkan inflasi, ada yang meningkat dua kali ganda dan ada yang hampir tiga kali ganda terutamanya baja.

“Itu membebaskan petani sayur sehingga ada petani memutuskan untuk mengurangkan pengeluaran kerana tidak mampu membeli baja dan bahan yang diperlukan untuk pertanian.

“Sesetengah petani memutuskan untuk meninggalkan pertanian kerana mereka merasakan tidak ada gunanya meneruskan pertanian kerana tidak banyak keuntungan,” katanya.

Wong memberitahu, terdapat kira-kira 300 petani di kawasan DUN Bawang Assan dan kali terakhir beliau membantu petani memohon bantuan itu ialah pada 2020 sebelum menjadi ketua pembangkang.

“Semasa saya menjadi pembangkang, saya tidak berhak mendapat sebarang dana kerajaan. Namun, kini, saya kembali dalam kerajaan, saya menikmati semua keistimewaan ini sebagai wakil rakyat,” katanya.

Katanya lagi, sejak beberapa minggu kebelakangan ini, beliau telah mengelilingi kawasan Bawang Assan menemui orang ramai dan membantu membersihkan longkang dan sungai kecil.

“Ia tidak banyak membantu, tetapi saya cuba membantu sebaik mungkin supaya air tidak bertakung di kawasan pertanian,” ujarnya.

Wong turut berterima kasih kepada Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah, Dato Sri Dr Stephen Rundi Utom kerana memberi perhatian kepada bantuan ini.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Jabatan Pertanian Sarawak Radziah Jack berkata, pada 2020, seramai 210 petani dari Dun Bawang Assan menerima bantuan itu.

“Hari ini, bantuan diberikan kepada mereka yang masih belum menerima bantuan sebelum ini,” katanya.

Turut hadir ialah Pegawai Pertanian Bahagian Sibu, Andrew Iling dan Pengerusi PDP Bawang Assan, Kaunselor Wong Hua.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/12/2024	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Jabatan Perkhidmatan Veterinar sahkan rampas ayam belanda

MIRI: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) mengesahkan pihaknya merampas ayam belanda yang dijual di beberapa pasar raya di sini minggu lalu kerana diimport secara haram.



Pengarahnya Datu Dr Adrian Susin Ambud (gambar) berkata rampasan ke atas ayam belanda yang dilakukan pada 4 Disember lalu dianggarkan bernilai RM37,000.

"Ya ayam-ayam belanda ini telah dirampas kerana diimport secara haram iaitu tanpa permit veterinar.

"JPVS mengambil tindakan terhadap kesalahan mengimport secara haram," katanya ringkas ketika dihubungi Utusan Borneo di sini semalam.

Dr Adrian menjelaskan demikian sebagai membalas pertanyaan sama ada pihaknya bertindak sebegitu berikutan aduan mengenai kekurangan ayam belanda di pasar raya tempatan.

Turut dilaporkan beberapa hotel telah memutuskan untuk tidak memasukkan ayam belanda dalam menu Krismas mereka tahun ini kerana ketiadaan bekalan dan pembekalnya.

GENERAL

LPP MADANI IHSAN SQUAD OFFERS POST-FLOOD ASSISTANCE IN KELANTAN

🕒 11/12/2024 05:44 PM



KUALA LUMPUR, Dec 11 (Bernama) -- The Farmers' Organisation Authority (LPP) today launched a post-flood aid mission through the MADANI Ihsan Squad to channel assistance, with an allocation of RM100,000, to affected areas in Rantau Panjang and Tumpat in Kelantan.

LPP director-general Amir Matamin said the assistance, in the form of daily necessities, would be channelled to various crucial locations, such as mosques, LPP members' homes, Area Farmers' Organisation (PPK) and temporary evacuation centres.

"This mission involves 89 volunteers comprising LPP members from Kuala Lumpur, Melaka, Kelantan, Farmers' Mechanisation and Automation Training Institute (ILMAP) and National Farmers' Organisation (NAFAS).

"... with the cooperation of the Civil Defence Force (APM), this mission began today and is expected to end on Saturday (Dec 14). However, if needed, it may be extended," he said after the send-off ceremony for the volunteers here today.

Also present were LPP deputy director-general (Operations) Nik Mohd Shaharil Nik Md Hashim, LPP deputy director-general (Development) Mohd Fauzi Badron and NAFAS general manager Muhammad Faris Ariffin

In addition, the LPP Association of Wives and Women Civil Servants of Malaysia (PUSPANITA) also contributed various daily necessities such as household cleaning supplies, personal hygiene kits, disposable diapers for children and ready-to-eat food to be distributed to flood victims.

Amir said the spirit of cooperation among all the parties involved in this aid mission, including ILMAP and NAFAS, reflected their solidarity in wanting to help the disaster victims.

-- BERNAMA

BERNAMA provides up-to-date authentic and comprehensive news and information which are disseminated via BERNAMA Wires; www.bernama.com; BERNAMA TV on Astro 502, unifi TV 631 and MYTV 121 channels and BERNAMA Radio on FM93.9 (Klang Valley), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) and FM100.9 (Kuching) frequencies.

Follow us on social media :

Facebook : [@bernamaofficial](https://www.facebook.com/bernamaofficial), [@bernamatv](https://www.facebook.com/bernamatv), [@bernamaradio](https://www.facebook.com/bernamaradio)

Twitter : [@bernama.com](https://twitter.com/bernama.com), [@BernamaTV](https://twitter.com/BernamaTV), [@bernamaradio](https://twitter.com/bernamaradio)

Instagram : [@bernamaofficial](https://www.instagram.com/bernamaofficial), [@bernamatv](https://www.instagram.com/bernamatv)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/12/2024	SARAWAK TRIBUNE	ONLINE	

LKIM Sarawak strengthens food security through contract farming



Martin (centre) presenting a mock cheque to the recipients of the LKIM KPKM Marketing Service Programme (Contract Farming) 2024

LET'S READ SUARA SARAWAK/ NEW SARAWAK TRIBUNE E-PAPER FOR FREE AS EARLY AS 2 AM EVERY DAY. [CLICK LINK](#)

SERIAN: The Malaysian Fisheries Development Authority (LKIM) Sarawak is committed to ensuring food security,

particularly in the fisheries sector.

Deputy Minister for Food Industry, Commodity and Regional Development, Datuk Martin Ben said LKIM's contract farming programme aims to ensure food security not only through marine fish catches but also aquaculture fish.

"I also hope that participants will make the best use of the knowledge and assistance provided to increase their income."

Martin said this during the equipment handover ceremony to participants of the LKIM KPKM Marketing Service Programme (Contract Farming) 2024 at Kampung Mentu Tapu, here on Tuesday (Dec 10).

He added that his side will monitor the progress and development of the programme while hoping for more participation in contract farming programmes in the future.

Some 10 pond fish farmers participated in the KPKM marketing service programme, involving a total cost of RM76,900 covering training, marketing equipment assistance, and the construction of a new aquaculture produce collection centre at one of the participants' homes in Kampung Mentu Tapu.

Seven ponds have been built under the Department of Agriculture Sarawak's (Inland Fisheries Division) Commercial Aquaculture Project, focusing on farming red tilapia.

Also present was the director of LKIM Sarawak, Mohamad Rizal Sahari.

Simpanan keseluruhan bekalan termasuk ikan segar beku adalah sekitar 10,150 tan

Oleh HAZELEEN LIANA KAMARUDIN
TUMPAT

Stok ikan dijamin mencukupi dan mampu menampung keperluan dan permintaan penduduk sepanjang musim tengkujuh kali ini.

Timbalan Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) (Pembangunan), Rashima Baharuddin berkata, pihaknya dengan kerjasama persatuan nelayan tempatan sudah menyediakan 343 tan metrik stok simpanan ikan.

"Selain itu, hasil kerjasama dengan lima syarikat utama dalam kalangan pemain industri berjaya mengumpulkan keseluruhan 9,600 tan metrik stok simpan-

an bekalan ikan segar.

"Pada masa sama, LKIM tidak menggalakkan nelayan turun ke laut ketika ini berikutan gelombang kedua tengkujuh baru bermula tetapi tidak boleh menghalang sekiranya mereka masih berkeras mahu mencari rezeki," katanya ditemui ketika Program Skuad Ihsan Madani dan Penyampaian Bantuan Banjir Nelayan Daerah Tumpat di Kompleks LKIM Geting di sini pada Rabu.

Menurut Rashima, jumlah keseluruhan stok simpanan bekalan ikan termasuk segar beku adalah sekitar 10,150 tan metrik.

Dalam perkembangan lain, Rashima berkata, sektor perikanan negara mengalami kerugian lebih RM594,000 sepanjang bencana yang melanda beberapa negeri ketika ini.

Menurutnya, kerugian direkodkan melibatkan musibah banjir, ribut dan hakisan pantai.

"Daripada jumlah ini, Kelantan merekodkan kerugian tertinggi dianggarkan berjumlah RM252,900.

Stok ikan mencukupi hadapi musim tengkujuh



Rashima (tengah) menyampaikan sumbangan ketika Program Skuad Ihsan Madani dan Penyampaian Bantuan Banjir Nelayan Daerah Tumpat di Kompleks LKIM Geting, Tumpat pada Rabu.

"Sepanjang tempoh ini juga, seramai 829 nelayan dan 53 usahawan menggunakan hasil laut terkesan.

"Di Kelantan seramai 633 nelayan ter-

lepas dan Tumpat merekodkan jumlah tertinggi iaitu 291 orang. Selebihnya melibatkan Semerak di Pasir Puteh, Kota Bharu dan Bachok," ujarnya.

Pengeluaran rendah, kebun musnah akibat bah dan logistik jadi punca

Harga sayur naik sekali ganda

PETALING JAYA – Harga sayur-sayuran di tujuh negeri mengalami kenaikan ekoran bencana banjir sejak bulan lalu.

Antara sayur yang mengalami kenaikan harga adalah sawi panjang, kailan, lobak, timun, kangkung, daun sup dan tomato. Terengganu merupakan negeri yang mengalami kenaikan ketara iaitu sekali ganda bagi barang-bah tersebut.

Di **Kuala Terengganu**, tinjauan di Pasar Borong Gong Pauh mendapati kailan dan sawi ketika ini dijual pada harga RM10 sekilogram berbanding RM5 sebelum musim tengkujuh.

Turut mengalami kenaikan harga sekali ganda adalah daun sup yang dijual RM15 sekilogram, kacang panjang (RM13), daun bawang (RM12) dan bayam (RM8).

Pemborong sayur, Siti Faridah Mohamad, 34, berkata, dia tidak mempunyai pilihan kerana harga yang diperoleh daripada pekebun di Cameron Highlands, Pahang sudah tinggi.

"Kenaikan harga sayur pada musim tengkujuh adalah normal kerana pengeluaran rendah dan sebahagian kebun musnah akibat bah," katanya ketika ditemui. Seorang lagi pemborong, Muhammad Shamsul Bahari, 55, memberitahu, faktor logistik ekoran jalan tenggelam dan runtuhturut mendorong kepada kenaikan harga sayur-sayuran pada musim Monsun Timur Laut (MTL).

Di **George Town**, harga daun sup dan kacang buncis naik ketara mencecah RM23 per/kg me-



TIMUN merupakan antara sayur-sayuran yang berdepan kenaikan harga pada musim tengkujuh ketika tinjauan di sebuah pasar di Lipis.

Harga sawi pula dijual RM13 sekilogram berbanding RM5 sebelum ini.

Di **Sungai Petani**, tinjauan mendapati tomato dijual pada harga RM9 berbanding RM7 sekilogram sebelum ini, harga kacang buncis pula RM13, manakala kacang buncis daripada RM12 meningkat kepada RM20.

Antara sayur-sayuran lain yang turut mengalami kenaikan harga ialah sawi yang dijual RM12 berbanding RM7 sebelum musim tengkujuh.

"Biasanya pelanggan saya

kurang dan kualiti kurang memuaskan selain petani sukar ke ladang. Kami terpaksa melalui situasi ini terutama pada hujung tahun," katanya.

Di **Kota Bharu**, peniaga, Nori-ah Adam, 50, berkata, pembekal meletakkan harga tinggi menyebabkan dia terpaksa menaikkan harga jualan RM1 hingga RM3 bagi sekilogram sayur.

"Cili merah sekarang saya jual RM18 berbanding RM16 sekilogram. Kacang panjang pula RM10 sekilogram," katanya.

Di **Lipis**, peniaga S. Ravichandran memberitahu, harga sayur terutama yang berdaun naik sejak lebih dua minggu lalu dan dijangka berterusan sepanjang musim tengkujuh.

"Misalnya sawi sebelum ini dijual RM5 sekilogram sekarang naik sekali ganda. Daun bawang pula RM17 berbanding bawah RM10 sebelum ini. Tidak mengapa harganya tinggi asalkan sayur dalam keadaan elok," katanya.

Di **Ipo**, peniaga, Nur Lali Mohd. Nor, 42, memaklumkan, kenaikan harga sayur ketika ini didorong oleh pelbagai faktor seperti kos logistik, permintaan tinggi menjelang musim cuti sekolah dan perayaan.

"Ada sayur-sayuran yang mengalami kenaikan sehingga 70 peratus.

"Ada pelanggan mengeluh tetapi mereka tetap beli sama ada dalam kuantiti sedikit atau pilih sayur lain. Kami juga tidak menolak kemungkinan harga akan terus naik jika hujan berterusan sehingga Januari," katanya.